



## PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

### PEKELILING PTPTN BILANGAN 1 TAHUN 2014

#### PENURUNAN JUMLAH PEMBIAYAAN PENDIDIKAN DAN PENGGUNAAN DATA BANTUAN RAKYAT 1MALAYSIA (BR1M) SEBAGAI KAEDAH TAPISAN PENENTUAN KELAYAKAN JUMLAH PEMBIAYAAN

#### TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai pelaksanaan:
  - a) penurunan jumlah pembiayaan baharu sebanyak 5% bagi pelajar Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan 15% bagi pelajar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS).
  - b) penggunaan data Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sebagai salah satu kaedah tapisan bagi menentukan kelayakan jumlah pembiayaan peminjam baharu.

#### LATAR BELAKANG

2. Dalam usaha untuk memastikan kelestarian PTPTN, kempen-kempen kesedaran, insentif bayaran balik dan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan prestasi bayaran balik pembiayaan. Di samping itu, tindakan pengurangan perbelanjaan juga perlu dilaksanakan berasaskan kedudukan kewangan semasa.

## PELAKSANAAN

3. Mulai 1 November 2014, jumlah pembiayaan baharu pelajar IPTA (termasuk Politeknik) akan dikurangkan sebanyak 5% dan pelajar IPTS sebanyak 15% daripada jumlah sedia ada. Walau bagaimanapun jumlah pembiayaan pelajar Ijazah Sarjana Muda Perubatan di IPTS dikekalkan.
4. Jumlah pembiayaan tiga peringkat sedia ada dikekalkan dengan pindaan kepada asas penentuan kelayakan seperti berikut:
  - a) Pembiayaan maksimum – data pelajar atau ibu bapa disenaraikan sebagai penerima BR1M;
  - b) Pembiayaan 75% daripada pembiayaan maksimum - pendapatan bulanan keluarga pelajar tidak melebihi RM8,000; dan
  - c) Pembiayaan 50% daripada pembiayaan maksimum - pendapatan bulanan keluarga pelajar melebihi RM8,000.
5. Jumlah pembiayaan baharu adalah seperti jadual di **Lampiran A**.

## TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 November 2014.


## PINDAAN/PEMBATALAN

7. Dengan berkuat kuasanya pekeling ini:
  - (i) Lampiran A, Pekeliling Bilangan 1 Tahun 2002 dipinda;
  - (ii) Jadual 1, Pekeliling Bilangan 2 Tahun 2002 dipinda;
  - (iii) Perenggan 2, Pekeliling Bilangan 3 Tahun 2003 dipinda;
  - (iv) Jadual 1, Pekeliling Bilangan 1 Tahun 2007 dipinda;

- (v) Jadual 1, Pekeliling Bilangan 2 Tahun 2007 dipinda;
- (vi) Pekeliling Bilangan 3 Tahun 2007 dibatalkan;
- (vii) Pekeliling Bilangan 4 Tahun 2007 dibatalkan; dan
- (viii) Surat Pekeliling Bilangan 3 Tahun 2010 dibatalkan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(AGUS CHOLAN)**

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

29 Oktober 2014

LAMPIRAN A

PERBANDINGAN JUMLAH PEMBIAYAAN SEDIA ADA DAN BAHARU

IPT/ PERINGKAT PENGAJIAN	SEDIA ADA			BAHARU		
	Penuh	Sebahagian	Yuran	Maksimum*	75%	50%
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
<b>IPTA &amp; POLITEKNIK</b>						
Diploma	5,000	2,500	1,000	4,750	3,560	2,380
Ijazah Sarjana Muda	6,500	3,000	1,100	6,180	4,630	3,090
Sarjana	10,000	10,000	10,000	9,500	7,130	4,750
PHD	26,000	26,000	26,000	24,700	18,530	12,350
Kursus Profesional	6,000	6,000	6,000	5,700	4,280	2,850
<b>IPTS</b>						
Diploma	8,000	8,000	8,000	6,800	5,100	3,400
Diploma Sains Kesihatan	15,000	15,000	15,000	12,750	9,560	6,380
Ijazah Sarjana Muda	16,000	13,000	10,000	13,600	10,200	6,800
Ijazah Sarjana Muda Perubatan	30,000	30,000	30,000	30,000	30,000	30,000

**Nota:**

\* Jumlah pembiayaan maksimum diberikan sekiranya pelajar atau ibu dan bapa pelajar disenaraikan sebagai penerima BR1M